

“Daerah Bentong, Cameron Highlands, Pekan dan Raub diharap akan menerima manfaat rumah ini pada masa depan, bagi memberi peluang kepada penduduk kemudahan untuk memiliki kediaman sendiri.

“Projek rumah Makmur adalah lanjutan kepada usaha kerajaan negeri menyediakan perumahan mampu milik dengan harga menarik iaitu RM80,000 seunit, menjadikan permintaannya amat tinggi ” katanya.

Berhubung projek rumah Makmur Tanjung Gahai, Wan Rosdy berkata, jumlah rumah terbabit ialah 90 unit berkeluasan tapak rumah 1,300 kaki persegi dan tapak binaan 800 kaki persegi, yang akan dibangunkan dalam tiga fasa dengan jangkaan siap pada 2021.
– BERNAMA